

BAB KETIGA

PENTADBIRAN ZAKAT DI NEGERI PAHANG

Dari sudut pentadbiran, negeri Pahang Darul Makmur dibahagikan kepada sebelas daerah iaitu Bentong, Bera, Cameron Highlands, Jerantut, Kuantan, Lipis, Pekan, Raub, Temerloh, Rompin dan Maran. Urusan pentadbiran dijalankan di setiap organisasi daerah yang berpusat di Kuantan.

Sebagai sebuah negeri di dalam Persekutuan Malaysia, segala urusan mengenai keagamaan menjadi bidangkuasa negeri dan diperuntukkan melalui Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991 sebagaimana dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Pahang.

Perlembagaan Persekutuan melalui Jadual Kesembilan Senarai Dua memperuntukkan kepada kerajaan-kerajaan negeri bidangkuasa untuk menggubal undang-undang atau peraturan keagamaan. Raja-raja Melayu merupakan Ketua Agama di negeri masing-masing manakala Yang Dipertuan Agong menjadi Ketua Agama bagi negeri-negeri yang tidak beraja.¹

Oleh itu, peraturan atau undang-undang yang berkaitan pentadbiran zakat dan fitrah digubal melalui Dewan Undangan Negeri di negeri masing-masing kecuali di Wilayah Persekutuan oleh Parlimen. Situasi ini mewujudkan fenomena ketidak seragaman pentadbiran dan peruntukan undang-undang di antara negeri-negeri.

Walaupun Islam dicatatkan sebagai agama bagi Persekutuan,² ia tidak bermaksud bahawa kerajaan Persekutuan mempunyai bidang kuasa keagamaan. Islam adalah agama bagi tujuan upacara semata-mata.³

Untuk menjalankan tanggungjawab keagamaan, setiap negeri menubuhkan sebuah badan yang dikenali sebagai Majlis Agama Islam. Majlis diberikan kuasa untuk mengurus dan mengendalikan pentadbiran zakat berdasarkan peruntukan Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (enakmen induk) di negeri masing-masing,⁴ kecuali di negeri Kedah⁵ dan Sabah⁶ yang mempunyai Enakmen Zakat yang tersendiri.

3.1 SEBELUM PENUBUHAN PUSAT KUTIPAN ZAKAT PAHANG (PKZP)

Sejarah pentadbiran zakat di negara ini dapat dikesan kira-kira 70 hingga 80 tahun yang lalu. Menurut catatan Allahyarham Prof. Ahmad Ibrahim, Terengganu merupakan negeri pertama melaksanakan sistem zakat yang diuruskan oleh Jabatan Hal Ehwal Agamanya atas arahan Menteri Besar.⁷ Undang-undang Zakat yang pertama dikuatkuasakan di negeri ini ialah Undang-Undang Zakat 1947.⁸

Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT) ditubuhkan pada tahun 1912 dan merupakan badan perundangan tertua di negeri itu dengan diketuai oleh seorang Syeikh al-Islam yang dikenali sebagai Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama. Pentadbiran zakat di negeri Terengganu ditadbir di bawah kuasa eksekutif Pesuruhjaya.⁹

Kemudian diikuti oleh Kelantan pada tahun 1915, Perlis (1930), Johor (1934) dan Kedah (1936). Perkembangan di negeri-negeri lain berlaku selepas itu sehinggalah pada tahun 1957 di mana Negeri Sembilan direkodkan sebagai negeri yang terakhir melaksanakan sistem tersebut.¹⁰

Sebelum daripada tarikh ini, belum pernah wujud undang-undang mengenai zakat di negeri-negeri berkenaan¹¹ kecuali di Pahang dan Kedah pada abad ke 16 M.

Di Pahang, semasa pemerintahan Sultan Mahyuddin Shah (1592 – 1614), baginda pernah menitahkan kepada pegawai-pegawai negeri supaya menulis mengenai kewajipan berzakat. Antara tulisan tersebut ialah:

'Bermula mereka yang tidak mahu memberi zakat atau segala hak Allah Taala atasnya tidak diberinya, jika dia hendak berperang mengerasi diberinya, kita kerasi dengan perang, barang binasa dari hartanya atau mati padahal itu binasa tiada menyilih jika menurut kata padahal itu binasa hartanya hendaklah disilih'.¹²

Di Kedah pula, Undang-Undang Kedah 1667 (1078H) di dalam Bab Kedua Fasal (3) memperuntukkan kewajipan berzakat seperti berikut:

'Barang siapa membuat bendang atau huma maka hendaklah kerasi suruh keluaran zakat seperti benar-benar hisabnya yang diperolehinya itu, suruh keluaranlah sepuluh emas zakatnya itu. Apabila tiada mahu mereka itu seperti hisab itu, maka hendaklah kurang kerasi keluaran zakat itu menurut seperti hukum Allah Taala'.¹³

3.1.1 PENUBUHAN MAJLIS UGAMA ISLAM PAHANG (MUIP)

Untuk mengendali dan menguruskan pentadbiran keagamaan, pada tahun 1926 kerajaan Pahang telah menubuhkan sebuah badan yang dikenali sebagai Majlis Anggota Islam¹⁴ yang diketuai oleh seorang Yang Dipertua. Yang Dipertua pertamanya ialah Tengku Besar Sulaiman.¹⁵

Sejak dari penubuhannya, Majlis mengalami banyak perubahan termasuk namanya berubah kepada Majlis Ugama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Pahang. Kini dikenali sebagai Majlis Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP). Yang Dipertua Majlis juga silih berganti.

Pada 1 November 1984, Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah Ibn Sultan Haji Ahmad Shah dilantik menjadi Yang Dipertua Majlis. Ketika itu kedudukan Setiausaha selaku Pegawai Pengawal yang berkuasa eksekutif mengetuai pentadbiran Majlis dikekalkan.¹⁶ Majlis juga melantik 17 Ahli Majlis. (Lihat Lampiran 1).

Pada 1 Januari 1992, struktur pentadbiran Majlis dipinda dengan mewujudkan jawatan Timbalan Yang Dipertua (Lihat Lampiran 2) yang bertanggungjawab terus secara eksekutif mengetuai pentadbiran, sekaligus

menganggotai Ahli Majlis. Setiausaha pula mengetuai unit-unit di dalam pentadbiran Majlis sebagai Pegawai Tadbir dan tidak lagi menganggotai Ahli Majlis.¹⁷

Timbalan Yang Dipertua Majlis yang pertama ialah Dato' Haji Abdul Muttalib bin Haji Mohd Ali al-Fakwie yang dilantik berdasarkan peruntukan Seksyen 7 (1) (b) dan (5) Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991. Beliau memegang jawatan itu sehingga 15 Disember 2000 apabila Dato' Haji Wan Abdul Wahid bin Haji Wan Hassan dilantik menjadi Timbalan Yang Dipertua Majlis yang kedua menggantikannya selepas itu.

Penubuhan MUIP diperuntukkan di bawah Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Pahang melalui Fasal (1) Perkara 24, Bahagian Pertama, iaitu:

'Ketua Ugama Negeri hendaklah Raja Pemerintah dan Raja Pemerintah, dari masa ke satu masa, bolehlah mengeluarkan perintah supaya diadakan lagi apa-apa undang-undang sebagaimana yang patut pada timbangan Baginda bagi maksud mengatur hal ehwal ugama dan bagi menubuhkan sebuah Majlis Ugama dan Adat Resam Melayu yang akan digelar dalam Bahasa Inggeris 'Council of Religion and Malay Custom' bagi menolong dan

menasihatkan Raja Pemerintah dalam semua perkara mengenai Ugama Negeri dan Adat Resam Melayu'.

Segala urusan mentadbir, mengurus dan mengawal selia perkembangan Syiar Islam di negeri ini adalah berdasarkan peruntukan Enakmen 1991.¹⁸

Enakmen ini menjadi dasar dan panduan utama pentadbiran Majlis yang menjelaskan mengenai kewujudan, kuasa, fungsi dan keanggotaan Majlis. Dalam menjalankan tugas dan kuasanya, Majlis menubuhkan 17 jawatankuasa merangkumi urusan pentadbiran zakat, iaitu:¹⁹

1. Mesyuarat Penuh Majlis
2. Kewangan
3. Saham Wakaf
4. Perundingan Hukum Syarak (Fatwa)
5. Dermasiswa
6. Kempen Galakan Membayar Zakat
7. Peguam Syarie
8. Pembangunan Masjid

9. Penasihat Pendidikan Agama
10. Mahkamah Ulangbicara Syariah
11. Adat Resam Melayu Pahang
12. Perkhidmatan dan Perjawatan
13. Ahli Lembaga Tatatertib Majlis
14. Khutbah Jumaat
15. Temubual Peguam Syarie
16. Tabika Islam
17. Tabung Pembangunan Ekonomi MUIP (TABEIS)

3.1.2 PENUBUHAN JABATAN AGAMA ISLAM PAHANG

Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP) ditubuhkan pada tahun 1952. Penubuhannya bertujuan untuk melicinkan urusan pentadbiran dan pengendalian hal ehwal Islam di negeri ini. Dalam masa yang sama kekesanan pentadbiran institusi agama dapat ditingkatkan.

Ketua JAIP yang pertama ialah Dr. Abdul Rahman Haji Talib. Pada peringkat awal penubuhannya JAIP dan MUIP bernaung di bawah

seorang ketua yang sama sehinggalah pada bulan November 1984,²⁰ walaupun mempunyai tugas dan peranan yang berbeza.

Jabatan ditubuhkan untuk bertindak sebagai badan pelaksana kepada dasar dan polisi yang diputuskan oleh Majlis. Oleh itu, pentadbiran JAIP sepatutnya berasingan daripada MUIP.²¹

Sekarang, Jabatan Agama Islam Pahang diketuai oleh seorang Pengarah. Di bawahnya terdapat tujuh bahagian iaitu, Pentadbiran Kewangan dan Pembangunan, Pendidikan dan Pelajaran, Dakwah, Penguatkuasaan, Pentadbiran Undang-Undang Syariah, Penyelidikan dan Masjid Negeri. Bahagian-bahagian ini diketuai oleh Ketua Penolong Pengarah masing-masing. [Lihat Lampiran 3].

Di peringkat daerah, operasi dan peranan JAIP dijalankan di pejabat-pejabat Kadi Daerah. Walaupun JAIP mempunyai peranan dan organisasi yang berbeza daripada MUIP, kedua-dua badan ini saling bekerjasama ke arah meningkatkan Syiar Islam di negeri ini.

3.1.3 FUNGSI DAN OBJEKTIF PENUBUHAN MUIP

Sebagai sebuah badan berkanun yang bercorak korporat²² dan institusi keagamaan, MUIP berfungsi untuk:

- i. Melahirkan sebuah masyarakat yang menjadikan Islam sebagai satu cara hidup sempurna dengan mengikut dan menghayati ajaran Islam seperti yang terkandung di dalam al-Quran dan al-Sunnah yang meliputi aspek-aspek aqidah, ekonomi, sosial, pendidikan dan kebudayaan.
- ii. Menegakkan keadilan mengikut hukum-hukum Islam serta mengawal / membasmi murtad, bida'ah, kemungkaran, maksiat, khurafat dan fikiran-fikiran yang menjejaskan kesucian Islam.
- iii. Mengawal pengaliran wang-wang yang dibayar oleh orang-orang Islam melalui kewajipan berzakat untuk asnaf yang lapan dan mengembangkan Syiar Islam, pembangunan insan serta meningkatkan ekonomi Islam.

- iv. Mengawal harta-harta orang Islam dan BaitulMal juga termasuk pembayaran zakat dan yang disumbangkan melalui Saham Wakaf.
- v. Membuat undang-undang bagi pelaksanaan syariat Islam.

Dari segi objektifnya pula, MUIP menggariskan dua dasar utama iaitu:

- i. Meninggikan Syiar Islam di negeri Pahang
- ii. Menggerakkan pembangunan insan yang berlandaskan tuntutan Islam.

Bagi mencapai objektif ini, pengurusan Majlis sentiasa bekerja keras untuk mengemaskinikan pentadbiran dan mengukuhkan kedudukan ekonominya. Pegawai dan kakitangan Majlis didedahkan kepada kaedah, bentuk dan asas-asas pentadbiran semasa di samping penggunaan peralatan moden.²³

Untuk itulah, Majlis mensasarkan pemilikan RM 100 juta harta pegangan pada tahun 2002. Berbekalkan jentera pentadbiran yang cekap dan dana yang kukuh, Majlis mampu berfungsi untuk merealisasikan semua objektifnya.²⁴

3.1.4 PENTADBIRAN DAN OPERASI UNIT ZAKAT/BAITULMAL

Berlainan daripada negeri-negeri lain, urusan zakat di negeri Pahang ditadbir sendiri oleh Majlis. Majlis bukan sekadar membuat dasar dan polisi tetapi berperanan dan bertanggungjawab sepenuhnya di dalam pentadbiran zakat (biasanya diuruskan oleh Jabatan Agama Negeri-Negeri). Oleh itu, satu unit khas yang dikenali sebagai Unit Zakat/BaitulMal ditubuhkan. (Lihat Lampiran 4).

Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991 memperuntukkan beberapa fasal mengenai zakat. Di antaranya ialah Seksyen 82, 83, 84 dan 85, manakala di dalam Seksyen 2 (1) Enakmen 1991, zakat ditakrifkan sebagai:

'Sebahagian hasil tahunan penanaman padi dan sebahagian daripada pendapatan perniagaan, ternakan dan termasuklah wang simpanan, emas dan perak menurut Hukum Syarak'

;

Pentakrifan ini lebih luas dan menyeluruh berbanding peruntukan di bawah Seksyen 2 (1) Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Ugama Islam 1956 yang mendefinisikan zakat sebagai:

'Bahagian padi yang dikeluarkan oleh seseorang pada tiap-tiap tahun mengikut Hukum Syarak daripada padi yang ditanamnya itu'

Peruntukan Seksyen 82 dan 83 Enakmen 1991 memberi kuasa kepada Majlis untuk mengutip dan menetapkan zakat dan fitrah yang kena dibayar dalam negeri Pahang. Sehubungan dengan itu Majlis juga diberikan kuasa untuk mengagihkan kutipan zakat. Seksyen 84, enakmen berkenaan memperuntukkan:

'Majlis dengan perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan boleh membuat kaedah-kaedah untuk mengawalselia semua perkara berhubung dengan pemungutan, pentadbiran dan pembahagian zakat dan fitrah'.

Seksyen 85 pula memberikan ruang kepada orangramai yang ingin mengemukakan bantahan kepada Majlis terhadap sesuatu tuntutan membayar zakat dan fitrah.

Bagi menguruskan pentadbiran zakat yang diberikan kuasa kepada Majlis menurut peruntukan Seksyen 82, 83, 84 dan 85, Enakmen 1991 dan Seksyen 103 Enakmen 1956, Majlis telah membuat suatu kaedah yang dinamakan Kaedah-Kaedah Zakat dan Fitrah 1970, yang mengandungi 10 Seksyen. Sebarang urusan dan pentadbiran zakat tertakluk di bawah kaedah-kaedah ini.

Seksyen 117 Enakmen 1991 yang berkuatkuasa pemakaiannya pada 1 Januari 1992 telah memperuntukkan penerusan pemakaian Kaedah-Kaedah Zakat dan Fitrah 1970.

Unit Zakat dan empat unit lain diketuai oleh Setiausaha Majlis yang bertanggungjawab kepada Timbalan Yang Dipertua selaku pegawai eksekutif.

Empat pegawai dan kakitangan ditempatkan di unit ini mengikut spesifikasi berikut:

- i. Seorang Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S4
- ii. Seorang Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S5
- iii. Seorang Pembantu Tadbir Gred N9
- iv. Seorang Pegawai Tadbir Rendah (KUP) Gred N11

Unit Zakat/ BaitulMal bertanggungjawab bagi:

- a. Merancang, mengawal dan mengendalikan urusan zakat dan BaitulMal. Memberi penerangan kepada masyarakat mengenai kewajipan membayar zakat.
- b. Mengendalikan kutipan zakat fitrah dengan kerjasama Pejabat Kadi Daerah melalui amil-amil yang ditauliahkan.
- c. Mengendalikan urusan harta dan hartanah BaitulMal, meliputi urusan pembinaan, pembelian bangunan dan pembangunan tanah.
- d. Menguruskan pewartaan tanah-tanah wakaf, tanah tapak masjid, surau dan perkuburan Islam serta tanah-tanah pesaka yang terdapat bahagian BaitulMal.

Pengawasan Unit Zakat adalah melibatkan aktiviti-aktiviti seperti perlantikan amil, kursus amil, bancian pengeluaran dan penerima zakat, kutipan dan pengagihannya, risalah zakat dan tindakan awal bagi mereka yang ingkar zakat.

Sebelum perlantikan, Majlis akan menimbangkan syor dan senarai calon-calon amil dari setiap daerah yang disaring di peringkat kariah. Kebiasaan amil-amil dipilih di kalangan imam, kakitangan masjid dan guru-guru agama setempat yang berkelayakan. Mereka diletakkan di dalam perkhidmatan percubaan sebelum ditauliahkan sebagai amil. Amil-amil diarah menjalankan tugas berdasarkan bidang kuasa sepertimana yang dilampirkan bersama surat lantikan.

Pada tahun 1996, seramai 933 orang amil dilantik untuk mengutip fitrah dan zakat padi di semua daerah dalam negeri Pahang. Bilangan ini bertambah menjadi 959 orang pada tahun 1999, bertambah sebanyak 2.6 peratus. [Lihat Jadual 3.1.4 (a)].

Jadual 3.1.4 (a)**Taburan Amil Mengikut Daerah
Bagi Tahun 1996 Dan 1999**

Daerah	Bil. Amil 1996	Bil. Amil 1999	% Kenaikan
Kuantan	143	148	3.5 %
Pekan	82	87	6.1 %
Rompin	67	73	9.0 %
Maran	91	93	2.2 %
Temerloh	185	193	4.3 %
Chenor	63	64	1.6 %
Jerantut	101	101	-
Lipis	80	79	- 1.3 %
Raub	66	68	3.0 %
Bentong	45	46	2.2 %
C. Highlands	10	7	- 30 %
Jumlah	933	959	2.8 %

Sumber: MUIP

Sebelum zakat dikutip, amil-amil akan membuat bancian terhadap para pengeluar zakat. Bancian ini merangkumi maklumat tentang nama pengeluar, nombor kad pengenalan, alamat, pekerjaan, pendapatan dan tanggungan. Segala maklumat ini disimpan di dalam borang khas yang dikeluarkan oleh Majlis.²⁵

Sebelum penubuhan PKZP pada Januari 1996, operasi kutipan zakat dipusatkan di pejabat-pejabat Kadi Daerah. MUIP menempatkan seorang kakitangannya di pejabat berkenaan bagi mengendalikan urusan-urusan Majlis termasuk kutipan zakat harta.

Selepas penubuhan PKZP, semua kutipan zakat harta diuruskan oleh pusat berkenaan di kaunter-kaunter yang dibuka di seluruh negeri manakala amil-amil yang dilantik oleh Majlis diberikan kuasa untuk mengutip zakat fitrah dan zakat padi sahaja.

Walaupun Seksyen 84 Enakmen 1991 tidak memperuntukkan dengan jelas mengenai asnaf-asnaf yang berhak mendapat agihan zakat, Kaedah-Kaedah Zakat Dan Fitrah 1970 menetapkan pelaksanaan zakat hendaklah menepati hukum Syarak. Oleh itu, zakat di negeri Pahang diagihkan kepada lapan asnaf selaras dengan kehendak yang terkandung di dalam al-Quran menerusi firman Allah (s.w.t), yang bermaksud:

'Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang menguruskannya, dan orang-orang yang muallaf yang dijinakkan hatinya dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnyanya) dari Allah, dan (ingatlah) Allah amat mengetahui lagi amat bijaksana.

(Al-Tawbah: 60)

Zakat diagihkan kepada lapan asnaf iaitu fakir, miskin, amil, muallaf, *Riqāb*, *Ghārimīn*, *Fī Sabīlillāh* dan *Ibnu al-Sabīl*.

Enakmen tidak menafsirkan asnaf-asnaf dengan jelas. Peruntukan yang begitu umum boleh menimbulkan kekeliruan dan penyelewengan. Oleh itu kajian dan penelitian berdasarkan pandangan-pandangan ulama di dalam kitab-kitab muktabar dijadikan asas untuk mengenalpasti asnaf-asnaf zakat di negeri Pahang.

Majlis dengan kerjasama para amil dan agensi-agensi kerajaan dan swasta lain berusaha mengesan dan mengenalpasti asnaf-asnaf yang berhak mendapat habuan zakat. Data-data dan maklumat mengenai asnaf direkod, disimpan dan sentiasa dikemaskinikan oleh Majlis.

Agihan kepada setiap asnaf dibuatkan berdasarkan keperluan dan kepentingan semasa. Oleh itu, peruntukan antara asnaf-asnaf berbeza. Misalnya menurut anggaran agihan zakat bagi tahun 1999, asnaf *Fī Sabīlillāh* mendapat habuan paling tinggi iaitu RM 5,530,000.00. Ia melebihi 50 peratus daripada jumlah keseluruhan yang dianggarkan sebanyak RM 9.05 juta. Sebahagian besar peruntukan asnaf *Fī Sabīlillāh* dibelanjakan untuk aspek-aspek pendidikan.

Amil mendapat peruntukan kedua tertinggi sebanyak RM 1,125,000.00 dan ketiga golongan miskin yang mendapat RM 1,115,000.00. Manakala *Riqāb* pula diperuntukkan sebanyak RM 30,000.00, iaitu bahagian paling sedikit. Bagaimanapun tidak semua peruntukan ini diagihkan. [Lihat Jadual 3.1.4 (b)].

**Jadual 3.1.4 (b): Anggaran Peruntukan Dan Agihan
Sebenar Zakat Bagi Tahun 1999**

Asnaf	Peruntukan	Agihan
Fakir	230,000.00	85,300.00
Miskin	1,115,000.00	209,280.00
Amil	1,125,000.00	1,168,987.70
Muallaf	390,000.00	178,484.00
Riqāb	30,000.00	-
Ghārimīn	100,000.00	-
Fi Ṣabillāh	5,530,000.00	4,368,605.00
Ibnu Sabil	230,000.00	306,470.00
Jumlah	9,050,000.00	6,317,126.70

Sumber: MUIP

Pada dasarnya, perbezaan agihan ini tidak bercanggah dengan konsep dan prinsip agihan zakat. Perbezaan jumlah peruntukan di antara asnaf hanya berlaku akibat keperluan yang berbeza. Sedangkan Khalifah

Umar al-Khattāb sendiri pernah menolak agihan kepada muallaf kerana berpendapat asnaf itu tidak lagi relevan di zamannya.

;

Sehubungan dengan itu Majlis melalui Unit Zakat bertanggungjawab menyimpan semua rekod dan catatan pengagihan zakat seperti senarai asnaf dan data-data perbelanjaan. Unit juga merancang agihan dan perbelanjaan untuk setiap asnaf melalui kakitangan yang ditempatkan di semua pejabat Kadi Daerah dan amil-amil yang dilantik untuk mengumpul dan merekodkan semua data berkaitan agihan zakat.

Bancian terhadap fakir miskin, muallaf dan masjid misalnya sentiasa dikemaskinikan bagi memastikan asnaf-asnaf ini mendapat pembelaan sewajarnya daripada pelaksanaan sistem zakat.

Kempen-kempen dan penerangan zakat sebelum tahun 1996 berjalan secara sederhana dan agak terhad, iaitu melalui program-program seminar, khutbah Jumaat dan pengedaran maklumat.

Selepas pelancaran kempen zakat secara besar-besaran oleh Tengku Mahkota Pahang pada Mei 1996, usaha penerangan dan promosi dipergiatkan melalui berbagai-bagai kaedah antaranya pengeluaran

risalah, khutbah Jumaat, ruangan tanya terus di Radio 3 RTM Kuantan, iklan, kerjasama dengan Jabatan Hasil Dalam Negeri, kalender, kursus dan seminar, siaran akhbar, khidmat kaunter/ telefon/ perbincangan, mengadakan kursus dan mengutus surat kepada individu, agensi dan badan-badan korporat serta membuka pusat-pusat kutipan.

Jadual 3.1.4 (c): Data Kutipan Zakat Harta Bagi Tahun 1990– 1999.

Tahun	Jumlah	Kenaikan	Peratusan
1990	896,108.00	176,263.00	-
1991	1,211,191.00	315,083.00	26.01 %
1992	1,590,848.00	379,657.00	23.87 %
1993	2,523,602.00	932,754.00	36.96 %
1994	4,117,789.00	1,594,187.00	38.71 %
1995	5,152,502.18	1,034,713.18	20.1 %
1996	5,432,013.00	279,510.82	5.15 %
1997	6,729,990.00	1,297,977.00	19.29 %
1998	7,257,974.00	527,984.00	7.27 %
1999	6,861,070.47	396,723.53	- 5.78 %
2000	10,660,742.50	3,799,672.03	55.38 %

Sumber: PKZP

Langkah ini telah berjaya meningkatkan kutipan zakat harta dengan ketara. Bagi tempoh sepuluh tahun sehingga tahun 2000, kutipan

zakat harta di negeri ini meningkat pada kadar purata 22.7 peratus setahun. Peningkatan paling tinggi dicatatkan pada tahun 2000 iaitu sebanyak 38.71 peratus melibatkan perbezaan kutipan sejumlah RM 1,594,187.00 berbanding tahun 1999. Kutipan zakat pada tahun 1999 mengalami penurunan sebanyak 5.78 peratus iaitu kekurangan sebanyak RM 396,723.53 daripada tahun sebelumnya. [Lihat Jadual 3.1.4 (c)].

Majlis juga mempunyai kuasa bertindak melalui Enakmen Pentadbiran Agama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang 1962 terhadap masalah-masalah berbangkit dari pengurusan zakat khasnya mengenai kesalahan enggan membayar zakat dan kesalahan membayar atau mengutipnya secara yang tidak sah.

Sabit kesalahan tidak membayar zakat atau enggan memberikan taksiran pendapatan ialah denda sehingga seribu ringgit atau penjara maksima enam bulan atau kedua-duanya sekali.²⁶ Bagi kesalahan membayar atau mengutip zakat secara yang tidak sah, dendanya tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara tidak lebih daripada setahun.²⁷

Untuk mengawal tingkahlaku amil-amil, Majlis berkuasa mengenakan denda sehingga seribu ringgit atau enam bulan penjara jika sabit kesalahan tidak menyerahkan kutipan zakat kepada Majlis.²⁸ Menghasut, menghalang atau memujuk seseorang daripada membayar zakat dan fitrah juga merupakan satu kesalahan di bawah Enakmen 1982 yang membawa hukuman denda maksima seribu ringgit atau enam bulan penjara.²⁹

Pindaan Enakmen 1991 yang berkuatkuasa pada 1 Januari 1992 telah memberi kuasa kepada Majlis untuk menjalankan peruntukan-peruntukan di bawah Seksyen 171 – 175 Enakmen 1982 sebagaimana diperuntukkan di dalam Seksyen 117 Enakmen 1991, iaitu:

'Semua kaedah, perisytiharan, perintah, notis, borang, surat kebenaran dan perlantikan yang dikeluarkan atau dibuat di bawah atau menurut kuasa mana-mana Bahagian Enakmen 1982 yang dimansuhkan oleh Enakmen ini hendaklah kekal berkuatkuasa, selagi ia tidak berlawanan dengan peruntukan Enakmen ini, sehingga dibatalkan atau digantikan oleh kaedah-kaedah, perisytiharan, perintah, notis, borang, surat kebenaran, atau perlantikan yang dikeluarkan atau dibuat di bawah Enakmen ini'.

Walaupun mempunyai peruntukan undang-undang yang jelas untuk mendakwa mereka yang terbabit di dalam kesalahan-kesalahan mengenai pentadbiran zakat, Majlis sehingga kini lebih berminat mengambil pendekatan diplomasi dengan mempelbagaikan sesi penerangan dan promosi. Masyarakat diajak memahami dan menyedari kewajipan berzakat secara menyeluruh.

Selain dari itu, Unit Zakat juga mengendalikan urusan harta dan hartanah BaitulMal meliputi urusan pembinaan dan pembelian bangunan serta pembangunan tanah. Sehingga kini, MUIP mempunyai seluas 18.434 hektar tanah berharga lebih RM 6 juta dan 14 buah bangunan.

3.2 KESAN KUTIPAN ZAKAT SELEPAS PENUBUHAN PUSAT KUTIPAN ZAKAT PAHANG (PKZP)

Statistik menunjukkan bahawa penubuhan PKZP telah berperanan besar meningkatkan perolehan kutipan zakat di negeri ini. Peningkatan kutipan ini berikutan usaha kempen dan penerangan zakat yang berterusan dan berganda. Ia sekaligus berjaya meningkatkan kesedaran untuk menunaikan rukun Islam itu.

Penubuhan PKZP juga mengubah paradigma pengurusan zakat di negeri ini, di mana tugas kutipan diamanahkan sepenuhnya kepada badan tersebut.

3.2.1 PENUBUHAN PUSAT KUTIPAN ZAKAT PAHANG (PKZP)

Arus penswastaaan begitu hebat melanda negara pada akhir tahun 80an. Keadaan ini turut mempengaruhi pengurusan institusi pentadbiran zakat sehingga berlaku penswastaaan institusi zakat di Wilayah Persekutuan, Selangor dan Johor pada awal tahun 90an.

Ketika itu, seminar dan bengkel-bengkel pengurusan institusi zakat begitu rancak diadakan termasuk Seminar Zakat Kebangsaan yang diadakan di Kuala Lumpur pada tahun 1990.³⁰

Di Pahang, kesedaran untuk meningkatkan pentadbiran institusi zakat begitu dirasakan memandangkan rekod kutipan zakat semasa yang tidak memberansangkan berbanding hasil negeri yang banyak dan penduduk Islam yang ramai.³¹

Pengendalian pentadbiran zakat oleh Majlis ketika itu kurang bermaya dan tidak mampu untuk menambah kutipan zakat terutama zakat harta. Kekurangan pegawai, kakitangan, kemudahan dan kepakaran tidak mengizinkan Majlis bertindak dengan lebih efektif terhadap pengurusan zakat di negeri ini.³² Tambahan pula kedudukan geografi negeri ini yang luas menyebabkan jarak perhubungan menjadi jauh dan memerlukan tambahan kos pengurusan yang membebankan Majlis.

Pahang merupakan negeri terbesar di Semenanjung Malaysia dengan penduduk berjumlah 1.29 juta orang,³³ di mana hampir 70 peratus adalah beragama Islam (kira-kira 901 ribu orang).³⁴

Menyedari keperluan ini, sekumpulan sembilan individu yang diketuai oleh pensyarah kanan Institut Teknologi Mara cawangan Pahang Dato' Tuan Ibrahim Tuan Man,³⁵ mengadakan beberapa siri perbincangan dengan pengurusan Majlis Agama Islam Pahang untuk mencadangkan penswastaaan urusan kutipan zakat di negeri ini.

Kumpulan ini kemudiannya menubuhkan syarikat al-Zakah Sdn. Bhd. (AZSB) di bawah Akta Syarikat pada akhir tahun 1993 setelah

pihak Majlis bersetuju untuk menyerahkan urusan kutipan zakat harta kepada syarikat berkenaan.

Pada bulan Disember 1993, Majlis secara rasmi melantik AZSB untuk menguruskan kutipan zakat harta di daerah Kuantan dengan tempoh percubaan selama tiga tahun mulai tahun 1994.

Berdasarkan syarat oleh Majlis, AZSB menanggung semua kos operasinya, oleh itu, syarikat mengumpulkan RM 186,000.00³⁶ untuk dijadikan modal memulakan operasinya. AZSB membuka sebuah pejabat, membeli sebuah kenderaan, sistem berkomputer dan empat orang kakitangan. Kutipan dimulakan pada bulan Januari 1994.³⁷

Dalam pada itu, usaha kempen dan penerangan dipergiatkan termasuklah menyediakan risalah, poster dan surat-surat seruan kepada sasaran. Majlis-majlis penerangan melalui taklimat, bengkel, seminar dan ceramah di pejabat-pejabat kerajaan dan swasta juga diadakan. AZSB juga memanfaatkan kempen-kempen menerusi siaran radio.

Kegigihan dan ketekunan akhirnya membuahkan kejayaan kepada AZSB sehingga menambat keyakinan Majlis apabila mencatatkan

peningkatan lebih 100 peratus kutipan zakat harta di daerah Kuantan kepada RM 2.5 juta berbanding RM 1.2 juta sebelumnya.³⁸ Kutipan di daerah Kuantan melebihi 50 peratus daripada jumlah kutipan zakat harta di negeri itu pada tahun 1994 sebanyak RM 4,117,789.00. Ia meningkat RM 1,594,187.00 daripada jumlah kutipan zakat pada tahun 1993, iaitu berjumlah RM 2,523,602.00, meningkat sebanyak 63.2 peratus.

Semua kutipan dimasukkan terus ke dalam akaun khas Majlis di Bank Islam Malaysia Berhad pada setiap bulan. Pada tahun pertama operasi, AZSB memperoleh RM 514,723.62 sebagai asnaf amil berdasarkan peruntukan satu perlatan.³⁹

Pada tahun 1995, kutipan meningkat RM 5,152,502.00,⁴⁰ iaitu pertambahan sebanyak RM 1,034,713.00 (20.1 peratus) daripada tahun 1994. AZSB memperoleh RM 644,062.75.

Berdasarkan peningkatan drastik pencapaian kutipan zakat, Majlis memutuskan untuk menswastakan urusan kutipan zakat di seluruh negeri, dengan syarat penguasaan Majlis ke atas syarikat dikekalkan. MUIP bergabung dengan AZSB bagi menubuhkan sebuah syarikat sendirian

berhad yang berasingan di mana sahamnya dipegang oleh Majlis dan AZSB.

Pada 15 September 1995, Pusat Kutipan Zakat Pahang (PKZP) didaftarkan dengan modal dibenarkan RM 500,000.00 dan modal berbayar RM 200,000.00. Majlis menguasai 51 peratus saham bermodalkan RM 105,000.00 manakala AZSB 49 peratus iaitu RM 95,000.00. Operasi dimulakan 2 Januari 1996 di alamat No. 11, Jalan Sekilau 1, Bukit Sekilau, 25200 Kuantan Pahang.⁴¹

Mulai tarikh ini, semua urusan untuk mengutip zakat harta di seluruh negeri Pahang diletakkan di bawah bidangkuasa PKZP kecuali zakat padi yang masih diberikan kuasa kepada amil-amil yang dilantik oleh Majlis. Prasarana pejabat, kaunter-kaunter bayaran dan unit-unit kutipan dibuka di serata tempat untuk membantu orangramai menunaikan kewajiban berzakat.

PKZP menumpukan operasinya di bandar-bandar yang mempunyai kepadatan penduduk Islam yang tinggi seperti Kuantan (321.5 ribu penduduk di mana 224.5 ribu beragama Islam), Temerloh (143.5 ribu, 95 ribu orang adalah penduduk Islam), Maran (137.2 ribu penduduk dengan

120 ribu Islam) dan Pekan (95 ribu daripada 110.6 penduduk adalah Islam).⁴² Rekod kutipan di bandar-bandar berkenaan sebelum ini adalah memberansangkan.

Sehingga akhir tahun 1999, bayaran zakat harta mencapai peningkatan 40 peratus manakala jumlah pembayar meningkat sehingga 60 peratus.⁴³ Daripada tiga buah pejabat pada tahun 1996, PKZP sehingga November 2000 membuka sembilan buah pejabat operasinya di seluruh negeri.

3.2.2 FUNGSI DAN OBJEKTIF PKZP

Penubuhan Pusat Kutipan Zakat Pahang yang dikenali sebagai PKZP bertujuan untuk menguruskan kutipan zakat harta di negeri ini secara terancang, sistematik dan efisien. Seluruh kekuatan digembelngkan untuk memperkemaskan sistem kutipan zakat bagi mencapai tahap pengurusan secara profesional.

Oleh itu, penubuhan PKZP adalah berfungsi untuk:

- i. Menimbulkan kesedaran untuk membayar zakat di kalangan masyarakat Islam melalui program-program penerangan dan kempen semasa yang berterusan.
- ii. Menyediakan prasarana yang selengkapnya kepada orangramai yang ingin membayar zakat di serata negeri dengan membuka pejabat dan kaunter-kaunter bayaran.
- iii. Menjadi wadah dan wasilah antara orangramai dan Majlis bagi menyalurkan matlummat tentang zakat. PKZP bertindak sebagai kaunselor yang efisien kepada orangramai.
- iv. Bertindak sebagai badan dakwah khususnya dari segi kehartaan bagi menyempurnakan tuntutan dakwah yang menyeluruh.
- v. Menyelidik dan mengkaji peluang-peluang baru bagi meningkatkan kutipan zakat harta dan membentuk *network* dengan agensi-agensi lain.

Dari segi objektif, PKZP membantu Majlis dalam meningkatkan kutipan zakat dengan:

- i. Memberi penerangan dan menyampaikan matlumat mengenai zakat dengan cara yang berkesan melalui kaedah-kaedah terkini.
- ii. Menyediakan kemudahan prasarana untuk membayar zakat kepada seluruh umat Islam di negeri Pahang.
- iii. Mengadakan kajian dan pembangunan (R&D) dalam urusan zakat harta.

Untuk merealisasikan fungsi dan objektif, PKZP dalam operasinya tidaklah menumpukan soal keuntungan semata-mata, sebaliknya berorientasikan kebajikan. Ini terbukti dari pola perbelanjaannya di mana sebahagian besar, iaitu kira-kira 30 peratus adalah dalam bidang promosi dan penerangan.⁴⁴

Sehingga bulan November 2000, PKZP membuka sembilan pejabat operasi iaitu dua di Kuantan dan masing-masing sebuah di

Rompin, Temerloh, Jerantut, Jengka, Raub, Kuala Lipis dan Bentong. Di samping itu, kaunter-kaunter bergerak secara berkala juga dibuka di daerah-daerah Pekan, Maran, Bera dan Cameron Highlands.

3.2.3 PENTADBIRAN DAN OPERASI PKZP

Apabila Majlis bergabung dengan AZSB dan menubuhkan PKZP menurut Akta Syarikat, semua pegawai dan kakitangan AZSB diserapkan ke dalam perkhidmatan PKZP. Haji Halidan Md. Daud dilantik sebagai Pengurus Besar PKZP yang pertama.

Dengan menguasai 51 peratus syer PKZP, Majlis berkuasa ke atas pusat berkenaan di mana empat daripada tujuh Ahli Lembaga Pengarah diduduki oleh Majlis manakala tiga lagi wakil AZSB. (Lihat Lampiran 5).

Sehingga November 2000, PKZP diketuai oleh seorang Pengurus Besar dan 26 pegawai dan kakitangan pelbagai kategori di seluruh negeri. Pengurus Besar bertanggungjawab kepada empat unit perancangan melibatkan Pentadbiran, Dakwah, Koporat dan Bahagian Operasi. Bahagian Operasi dibahagikan kepada tiga zon iaitu Zon Satu (Kuantan),

Zon Dua (Temerloh) dan Zon Tiga (Raub) yang diketuai oleh Pengurus Zon. (Lihat Lampiran 6).

Operasi PKZP berdasarkan peruntukan Enekmán 1991 dan Kaedah-Kaedah Zakat Dan Fitrah 1970 yang diperturunkan oleh Majlis. PKZP hanya dibenarkan mengutip zakat harta, bidangkuasa mengagihkan zakat tidak diberikan kepadanya.

Jika timbul sebarang masalah dasar atau melibatkan hukum, ia akan dirujuk kepada Lembaga Pengarah atau Mufti.

Bagi menambah kutipan zakat, PKZP mempelbagaikan cara dan kaedah kempen termasuk menyediakan kemudahan pejabat operasi, kaunter-kaunter bayaran dan unit-unit kutipan di serata tempat pembayar zakat seperti masuk ke kampung-kampung untuk mengambil zakat ternakan dan tanaman.

Kempen-kempen penerangan dan promosi zakat sentiasa dipergiatkan, misalnya pada bulan Mei 2000 sahaja, sebanyak 67 siri kempen dijalankan di semua zon di samping edaran risalah dan buletin. [Lihat Jadual 3.2.3 (a)].

Jadual 3.2.3 (a): Aktiviti Kempen Dan Penerangan Zakat Pada Bulan Mei 2000

Aktiviti	Zon 1	Zon 2	Zon 3
1. Ceramah & Taklimat	13	23	16
2. Kaunter Penerangan & Kuliah Maghrib	1	5	8
3. Khutbah Jumaat	-	-	1
Jumlah	14	28	25

Zon 1: Kuantan, Pekan, Rompin

Zon 2: Temerloh, Jerantut, Jengka, Maran, Bera

Zon 3: Raub, Kuala Lipis, Bentong, Cameron Highlands

Sumber: Buletin Zakat (PKZP) Keluaran Mei & Jun 2000

PKZP juga mengadakan lawatan-lawatan rasmi ke pejabat-pejabat kerajaan, swasta, koperasi dan kilang-kilang serta memberi taklimat dan penerangan zakat di kawasan-kawasan Felda di mana statistik kutipan zakat di tanah-tanah rancangan sangat menggalakkan. Promosi untuk menambah bilangan dan amaun pembayar zakat melalui Skim Potongan Zakat (SPZ) turut dipergiatkan.

Sehingga bulan Julai, kekerapan aktiviti kempen dan penerangan untuk tahun 2000 adalah sepertimana ditunjukkan oleh Jadual 3.2.3 (b).

Jadual 3.2.3 (b): Aktiviti Kempen Dan Penerangan Zakat Sehingga Julai 2000

Aktiviti	Zon 1	Zon 2	Zon 3
1. Ceramah & Taklimat	23	24	16
2. Kaunter Penerangan & Kuliah Maghrib	4	18	9
3. Khutbah Jumaat	-	-	1
Jumlah	27	42	26

Zon 1: Kuantan, Pekan, Rompin

Zon 2: Temerloh, Jerantut, Jengka, Maran, Bera

Zon 3: Raub, Kuala Lipis, Bentong, Cameron Highlands

Sumber: Buletin Zakat (PKZP) Keluaran Julai & Ogos 2000

Keseluruhannya sehingga bulan Julai tahun ini sebanyak 95 siri penerangan dan kempen zakat dijalankan di seluruh negeri dengan jumlah kutipan sebanyak RM 5,182,702.00. Daripada jumlah itu, sebanyak RM 992,257.00 berjaya dikutip dalam tempoh dua bulan iaitu Jun dan Julai, iaitu peningkatan sebanyak 19.1 peratus. [Lihat Jadual 3.2.3 (c)].

Semua kutipan dimasukkan terus ke dalam akuan Majlis di Bank Islam pada setiap bulan. PKZP dibayar satu perlapan daripada jumlah kutipan berdasarkan peruntukan kepada amil. Pegawai dan kakitangan PKZP dibayar gaji dan elaun tetap bulanan bukanlah di atas sifat sebagai seorang amil.

Jadual 3.2.3 (c): Data Kutipan Zakat Mengikut Daerah Bagi Bulan Januari-Julai 2000

Daerah	Jan - Mei	Jan – Julai	Kenaikan	%
Kuantan	2,276,306.00	2,825,996.00	549,690.00	19.5
Pekan	201,010.00	236,813.00	35,803.00	15.1
Rompin	215,989.00	252,041.00	36,052.00	14.3
Temerloh	516,776.00	662,665.00	145,889.00	22.0
Maran	59,153.00	78,930.00	19,777.00	25.1
Jerantut	205,582.00	231,466.00	25,884.00	11.1
Jengka	116,387.00	141,391.00	25,004.00	17.7
Chenor	12,856.00	13,299.00	443.00	3.3
Bera	35,462.00	49,560.00	14,098.00	28.4
Raub	202,252.00	244,707.00	42,455.00	17.3
Lipis	156,522.00	200,671.00	44,149.00	22.0
Bentong	176,883.00	225,792.00	48,909.00	21.7
C. Highland	15,267.00	19,371.00	4,104.00	21.1
Jumlah	4,190,445.00	5,182,702.00	992,257.00	19.1

Sumber: Buletin Zakat (PKZP) Keluaran Mei - Ogos 2000

Prestasi cemerlang dan rekod kutipan yang tinggi PKZP sehingga kini banyak dipengaruhi oleh tumpuan kerja yang bersungguh-sungguh dan sepenuhnya secara khusus tanpa melibatkan urusan lain.⁴⁵ Di mana PKZP menjuruskan operasinya bagi menimbulkan kesedaran berzakat dan menambah bilangan pengeluar. Konsep tumpuan kerja yang diamalkan oleh PKZP setakat ini sangat berkesan.

Menurut Pengurus Besar PKZP, Haji Halidan Md. Daud, rekod bayaran zakat menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan dengan peningkatan sebanyak 40 peratus manakala bilangan pembayar meningkat 60 peratus.⁴⁶

Pada tahun 1996, PKZP menerima RM 679,001.62 sebagai asnaf amil. Jumlah ini meningkat menjadi RM 841,148.75 pada tahun 1997 RM 907,246.75 pada tahun 1998. Bagaimanapun, pada tahun 1999 perolehan PKZP merosot sedikit kepada RM 857,633.75, selaras dengan kedudukan ekonomi negara yang kurang mantap. Perolehan PKZP bagi tahun 2000, meningkat sebanyak 55.4 peratus kepada RM 1,332,944.70. Sejak penubuhan PKZP, purata perolehan pusat itu meningkat sebanyak 20.4 peratus setahun.[Lihat Jadual 3.2.3 (d)].

**Jadual 3.2.3 (d): Kutipan Zakat Harta Dan Perolehan
PKZP Mengikut Tahun**

Tahun	Amaun Kutipan	Perolehan PKZP	% Peningkatan
1996	5,432,013.00	679,001.00	-
1997	6,729,990.00	841,238.00	23.9 %
1998	7,257,974.00	907,246.00	7.85 %
1999	6,861,070.00	857,633.00	- 5.5 %
2000	10,663,558.00	1,332,944.70	55.4 %

Sumber: PKZP

Dengan kedudukan kewangan yang kukuh, PKZP merancang untuk membuka sebuah lagi pejabat operasinya yang kesepuluh awal tahun 2001 nanti.⁴⁷

Akaun dan laporan kewangan PKZP diaudit oleh juruaudit bertauliah dan dikemukakan kepada Majlis pada setiap tahun. Dengan, pentadbiran telus dan licin serta kedudukan kewangan yang kukuh, PKZP akan mampu beroperasi dengan cemerlang bagi menyempurnakan amanah agama dan sekaligus memartabatkan institusi pengurusan Islam.

NOTA HUJUNG:

¹ Perlembagaan Persekutuan, Perkara 3.

² *Ibid.*

³ Sheridan, L. A & Harry E. Grove (1979). *The Constitution Of Malaysia*. T.t.p : Malayan Law Journal (MLJ). Edition 3, hal: 37.

⁴ Misalnya, Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991 (Pahang No. 3, Tahun 1991).

⁵ Enakmen Zakat Kedah 1374 (No. 4/1955) mengandungi 24 seksyen.

⁶ Enakmen Zakat dan Fitrah Sabah (No. 6/1993) mengandungi 84 seksyen.

⁷ Ahmad Ibrahim (1975). *Islamic Law In Malaya*. Singapore : Malaysian Sociological Research Institute Ltd (MSRI). hal. 336.

⁸ Undang-Undang Zakat Terengganu 1947.

⁹ Mamat Adam Taib (1970). “Struktur Dan Organisasi Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Terengganu”. Kajian Ilmiah di Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, hal. 39– 40.

¹⁰ Ahmad Ibrahim (1975). *Op.cit.*

¹¹ Mohd. Nor Ngah (1985) “A Preliminary Study The Institute of Zakat in Malaysia”, *Islamika*. Bil III. Januari 1985, hal. 226.

¹² John E Kampe dan R.O. Winstedt (1948). *A Malay Legal Digest*. London : Journal of The Malay Branch of Royal Asiatic Society (JMBRAS), vol. XXI. Pt. 1, hal. 53.

¹³ R.O. Winstedt (1928). *Kedah Law*. London : Journal of The Malay Branch of Royal Asiatic Society (JMBRAS), vol. VI. Pt II, hal. 28.

¹⁴ Laporan Taklimat Majlis Ugama Islam Dan Adat Resam Melalyu Pahang (MUIP) kepada KDYMM Sultan Pahang pada 7 Januari 1997, di Istana Pekan.

¹⁵ *Ibid.*

¹⁶ *Ibid.*

¹⁷ *Ibid.*

¹⁸ Dahulu dikenali sebagai Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Ugama Islam 1956 (no. 5 Tahun 1956), kemudian Enakmen Pentadbiran Agama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang 1982 (No. 8 Tahun 1982 (Pin. 1987).

¹⁹ Laporan Taklimat MUIP. *Op.cit*

²⁰ *Ibid.*

²¹ *Ibid.*

²² Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991, sek. 4(1).

²³ Laporan MUIP. *Op.cit*

²⁴ *Ibid.*

²⁵ Kaedah-Kaedah Zakat dan Fitrah 1970, Jadual A dan B.

²⁶ Enakmen Pentadbiran Agama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang 1982. Sek. 171-172.

²⁷ *Ibid.* Sek. 173.

²⁸ *Ibid.* Sek. 174.

²⁹ *Ibid.* Sek. 175.

³⁰ Seminar zakat peringkat kebangsaan anjuran Jabatan Perdana Menteri yang turut disertai oleh ulama dan sarjana dari luar negara.

³¹ Temubual dengan YB Dato' Tuan Ibrahim Tuan Man, pengasas al-Zakah Sdn. Bhd, pada 27 Ogos 2000 di pejabatnya di Jengka.

³² *Ibid.*

³³ Sehingga tahun 1999, menurut Jabatan Perangkaan Malaysia, 2000.

³⁴ *Ibid.*

³⁵ Sekarang Ahli Dewan Undangan Negeri Pahang Kawasan Jengka.

³⁶ Sumbangan daripada 32 individu dalam bentuk saham.

³⁷ Maklumat Koperat Pusat Kutipan Zakat Pahang (PKZP) dan temubual dengan Haji Halidan Md. Daud, Pengurus Besar PKZP pada 10 Oktober 2000 di pejabatnya di Kuantan.

³⁸ Temubual dengan Dato' Tuan Ibrahim Tuan Man, *Op.cit*

³⁹ *Ibid.*

⁴⁰ Laporan MUIP. *Op.cit*

⁴¹ Maklumat Koperat PKZP.

⁴² Jabatan Perangkaan Malaysia, 2000.

⁴³ Maklumat Koperat PKZP.

⁴⁴ *Ibid.*

⁴⁵ Temubual dengan Haji Halidan Md. Daud, Pengurus Besar PKZP pada 4 Oktober 2000 di Pejabatnya di Kuantan.

⁴⁶ *Ibid.*

⁴⁷ *Ibid.*